

TARIKH	10 OKTOBER 2025 (JUMAAT)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	INDONESIA TEMUI KESAN RADIOAKTIF DI 22 FASILITI		
M/S	26 (DUNIA)	KATA KUNCI	RADIOACTIVE ISOTOPE,
BIDANG	NUCLEAR	CAESIUM – 137, INDONESIA	
Indonesia temui kesan radioaktif di 22 fasiliti Jakarta: Pasukan penguat kuasa Indonesia menemui kesan radioaktif di 22 fasiliti dalam kawasan perindustrian berhampiran ibu negara itu selepas pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS) menarik balik import udang beku yang berkemungkinan tercemar. Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan AS (FDA) mengeluarkan arahan penarikan balik pada Ogos lalu selepas isotop radioaktif Caesium-137 dikesan dalam udang yang dieksport oleh syarikat PT Bahari Makmur Sejati. Susulan itu, Kerajaan Indonesia melancarkan siasatan yang membawa kepada penemuan isotop terbabit di kawasan perindustrian Cikande, kira-kira 60 kilometer di barat Jakarta. Sekurang-kurangnya 22 kilang di kawasan berkenaan dikenal pasti tercemar, kata jurucakap pasukan petugas, Bara Hasibuan, sambil menambah pihak berkuasa kini memperketat pengawasan di kawasan itu. “Pihak berkuasa kesihatan yang turut menjalankan pemeriksaan perubatan terhadap pekerja dan penduduk yang tinggal berhampiran kawasan perindustrian itu mendapati sembilan individu positif terdedah kepada Caesium-137. “Mereka dirujuk ke hospital untuk pemeriksaan lanjut dan kini dibenarkan pulang,” katanya kepada media. Bara berkata, pihaknya turut memperketat kawalan di semua laluan keluar dan masuk ke kawasan berkenaan dan terus mengenal pasti serta memeriksa fasiliti yang berkemungkinan tercemar. “Kenderaan yang melalui kawasan itu juga diperiksa bagi mengesan kemungkinan pencemaran. “Kerajaan akan melaksanakan sekatan terhadap import besi buruk yang dipercayai menjadi punca pencemaran ini,” katanya. AGENSI			
DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM		